

**KAJIAN TERHADAP KOSTUM PERSEMBAHAN  
TEATER TRADISIONAL BORIA  
DI PULAU PINANG**

**NOOR RAFIZAL BIN PAHARUL ROZI**

**UNIVERSITI SAINS MALAYSIA**

**2022**

**KAJIAN TERHADAP KOSTUM PERSEMBAHAN  
TEATER TRADISIONAL BORIA  
DI PULAU PINANG**

**oleh**

**NOOR RAFIZAL BIN PAHARUL ROZI**

**Tesis yang diserahkan untuk  
memenuhi keperluan bagi  
Ijazah Sarjana Sastera**

**Mac 2022**

## **PENGAKUAN**

Saya mengakui bahawa tesis yang telah dihasilkan oleh saya melalui penulisan ini adalah hasil kerja ilmiah saya sendiri. Malah tiada unsur peniruan daripada tesis mahupun karya ilmiah orang lain, atau pihak mana-mana pun kecuali nukilan dan data sekunder yang tiap-tiap satunya telah saya jelaskan sumbernya. Nukilan dan data sekunder yang diperolehi oleh saya bertujuan untuk memenuhi keperluan penulisan tesis ini sebagai rujukan. Demikian pengakuan ini saya buat dengan sebenarnya.

Mac 2022

Noor Rafizal bin Paharul Rozi

## PENGHARGAAN

Ucapan Alhamdulillah dan tanda kesyukuran kepada Allah SWT di atas segala nikmat, kelancaran, cabaran dan dugaan sehingga terhasilnya pengkajian yang dapat memberi sumbangan kepada masyarakat melalui seni persembahan Malaysia ini. Saya juga ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada penyelia saya iaitu Dr. Azrul Azizi bin Amirul kerana memberi bimbingan dan tunjuk ajar sepanjang saya menjalankan dan menyempurnakan kajian ini serta terbitnya jurnal dalam tempoh yang ditetapkan. Berkat kesabaran beliau dan saya dalam menempuh dugaan sepanjang perintah kendali pergerakan Malaysia (MCO) semasa wabak Covid-19 yang melanda negara Malaysia dan seluruh dunia, akhirnya tesis dapat disiapkan. Selain daripada itu, saya juga ingin berterima kasih kepada kedua ibu bapa iaitu Paharul Rozi bin Hashim dan Ramlah binti Hamil kerana telah banyak membantu saya untuk meneruskan perjuangan ini dan sentiasa memberi kata-kata semangat serta mendoakan saya walaupun kami sekeluarga terpaksa menghadapi masalah kewangan dan masalah kesihatan. Sekalung ucapan penghargaan turut dirakamkan buat semua informan terutamanya tiga tokoh boria En. Omara, En. Jibril dan En. Syed Akir kerana meluangkan masa sepanjang proses temu bual dan pemerhatian. Tidak lupa juga ucapan terima kasih kepada pensyarah yang memberi pandangan dan idea bertujuan penambahbaikan tesis ini. Terima kasih buat pihak kakitangan Pusat Pengajian Seni USM yang selama ini turut menguruskan dan menyampaikan maklumat serta program-program berkaitan pascasiswazah. Akhir sekali, jutaan terima kasih dan saya merakamkan juga penghargaan yang tidak terhingga buat semua individu yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam proses pengasilan kajian ini. Sekian terima kasih.

## SENARAI KANDUNGAN

<b>PENGHARGAAN.....</b>	<b>ii</b>
<b>SENARAI KANDUNGAN.....</b>	<b>iii</b>
<b>SENARAI JADUAL.....</b>	<b>ix</b>
<b>SENARAI RAJAH.....</b>	<b>xii</b>
<b>SENARAI FOTO.....</b>	<b>xiii</b>
<b>ABSTRAK.....</b>	<b>xvi</b>
<b>ABSTRACT.....</b>	<b>xviii</b>
<b>BAB 1 PENDAHULUAN.....</b>	<b>1</b>
1.1 Pengenalan.....	1
1.2 Latar Belakang Kajian.....	1
1.3 Penyataan Masalah.....	9
1.4 Tujuan Kajian.....	12
1.5 Persoalan Kajian.....	13
1.6 Objektif Kajian.....	14
1.7 Kepentingan Kajian.....	14
1.8 Skop Kajian.....	16
1.9 Kerangka Konseptual.....	18
1.10 Organisasi Tesis.....	20
1.11 Kesimpulan.....	21
<b>BAB 2 SOROTAN LITERATUR.....</b>	<b>22</b>
2.1 Pengenalan.....	22
2.2 Sketsa dan Pelakon dalam Segmen Pertama Persembahan Boria.....	22
2.2.1 Komedi Sketsa dan Improvisasi.....	23

2.2.2	Watak dan Perwatakan Komponen Sketsa Boria.....	24
2.2.3	Penceritaan dan Tema Sketsa Boria.....	24
2.2.4	Bahasa Badan.....	25
2.3	Elemen Nyanyian oleh Tukang Karang dalam Segmen Kedua Persembahan Boria.....	26
2.4	Elemen Tarian oleh <i>Sailor</i> dalam Segmen Kedua Persembahan Boria.....	27
2.5	Elemen Muzik yang Dimainkan oleh Komponen Pemuzik.....	29
2.6	Pemilihan dan Penggunaan Elemen Kostum.....	30
2.6.1	Komponen-komponen Boria yang Mempengaruhi Perubahan Kostum Abad Ke-19.....	32
2.6.1(a)	Peringkat Awal.....	32
2.6.1(b)	Peringkat Pertengahan.....	34
2.6.1(c)	Peringkat Akhir.....	38
2.6.2	Komponen-komponen Boria yang Mempengaruhi Perubahan Kostum Abad Ke-20.....	41
2.6.2(a)	Peringkat Awal.....	41
2.6.2(b)	Peringkat Pertengahan.....	45
2.6.2(c)	Peringkat Akhir.....	51
2.6.3	Komponen-komponen Boria yang Mempengaruhi Perubahan Kostum Abad Ke-21.....	54
2.6.3(a)	Peringkat Awal.....	55
2.7	Aspek dalam Kostum.....	58
2.7.1	Rekaan Kostum.....	59
2.7.2	Warna.....	60
2.7.3	Jenis Fabrik.....	64
2.7.4	Jenis Tekstur.....	65
2.7.5	Potongan.....	68

2.7.6	Kemasan dan Aksesori Pelengkap Gaya.....	69
<b>BAB 3 METODOLOGI KAJIAN.....</b>		<b>73</b>
3.1	Pengenalan.....	73
3.2	Reka Bentuk Kajian.....	73
3.2.1	Teori Persembahan Richard Schechner (1985) dalam Prosedur Kajian Terhadap Kostum Boria.....	76
3.2.1(a)	Faktor Persekitaran.....	77
3.2.1(a)(i)	Aspek Ekonomi.....	78
3.2.1(a)(ii)	Aspek Politik.....	78
3.2.1(a)(iii)	Aspek Sosial Masyarakat.....	79
3.2.1(b)	<i>Nest</i> (Proses Persembahan).....	80
3.2.1(b)(i)	Prapersembahan.....	81
3.2.1(b)(ii)	Pementasan Sebenar.....	81
3.3	Lokasi Kajian.....	81
3.4	Persampelan.....	83
3.5	Kaedah Pengumpulan Data.....	87
3.5.1	Temu Bual.....	87
3.5.2	Pemerhatia.....	91
3.6	Pembuktian Pelbagai Media.....	94
3.7	Prosedur Pengumpulan Data dan Analisis Data.....	95
3.8	Kesimpulan.....	101
<b>BAB 4 ANALISIS DAN DAPATAN KAJIAN.....</b>		<b>102</b>
4.1	Pengenalan.....	102
4.2	Pengaruh Komponen Boria Terhadap Perubahan Pemilihan dan Penggunaan Kostum Disebabkan Faktor Persekitaran.....	102
4.3	Analisis Pemilihan dan Penggunaan Aspek dalam Kostum Tiga Kumpulan Boria Terkini (Awal Abad ke-21).....	112

4.3.1	Analisis Aspek dalam Kostum Komponen Pelakon 1.....	113
4.3.2	Analisis Aspek dalam Kostum Komponen Pelakon 2.....	118
4.3.3	Analisis Aspek dalam Kostum Komponen Pelakon 3.....	123
4.3.4	Analisis Aspek dalam Kostum Komponen Tukang Karang.....	128
4.3.5	Analisis Aspek dalam Kostum Komponen <i>Sailor</i> .....	133
4.3.6	Analisis Aspek dalam Kostum Komponen Pemuzik.....	139
4.3.7	<i>Nest</i> (Proses Persembahan) dan Penentuan Faktor Persekitaran Tiga Kumpulan Berdasarkan Kostum Semua Komponen Boria...	131
4.3.7(a)	Prapersembahan bagi Tiga Kumpulan Boria.....	140
4.3.7(a)(i)	Faktor Persekitaran bagi Ekonomi dalam Prapersembahan terhadap Pemilihan dan Penggunaan Kostum Boria.....	144
4.3.7(a)(ii)	Faktor Persekitaran bagi Politik dalam Prapersembahan terhadap Pemilihan dan Penggunaan Kostum Boria.....	148
4.3.7(a)(iii)	Faktor Persekitaran bagi Sosial Masyarakat dalam Prapersembahan terhadap Pemilihan dan Penggunaan Kostum Boria.....	150
4.3.7(b)	Pementasan Sebenar bagi Tiga Kumpulan Boria.....	153
4.3.7(b)(i)	Faktor Persekitaran bagi Ekonomi dalam Pementasan Sebenar Terhadap Pemilihan dan Penggunaan Kostum Boria.....	158
4.3.7(b)(ii)	Faktor Persekitaran bagi Politik dalam Pementasan Sebenar Terhadap Pemilihan dan Penggunaan Kostum Boria.....	160
4.3.7(b)(iii)	Faktor Persekitaran bagi Sosial Masyarakat dalam Pementasan Sebenar Terhadap Pemilihan dan Penggunaan Kostum Boria.....	161
4.4	Dapatan Kajian.....	164



4.4.1	Cadangan Garis Panduan Kostum Boria.....	165
4.4.1(a)	Cadangan Pemilihan dan Penggunaan Aspek dalam Kostum Pelakon 1.....	166
4.4.1(b)	Cadangan Pemilihan dan Penggunaan Aspek dalam Kostum Pelakon 2.....	170
4.4.1(c)	Cadangan Pemilihan dan Penggunaan Aspek dalam Kostum Pelakon 3.....	174
4.4.1(d)	Cadangan Pemilihan dan Penggunaan Aspek dalam Kostum Tukang Karang.....	178
4.4.1(e)	Cadangan Pemilihan dan Penggunaan Aspek dalam Kostum <i>Sailor</i> .....	184
4.4.1(f)	Cadangan Pemilihan dan Penggunaan Aspek dalam Kostum Pemuzik.....	190
4.4.2	Rumusan.....	194
4.5	Kesimpulan.....	96
<b>BAB 5 KESIMPULAN DAN CADANGAN.....</b>		<b>197</b>
5.1	Pengenalan.....	197
5.2	Kesimpulan.....	197
5.3	Implikasi dan Cadangan Kajian.....	204
5.3.1	Implikasi Teori.....	204
5.3.2	Implikasi Dasar.....	205
5.3.3	Implikasi Praktis.....	205
5.3.4	Implikasi Bidang yang Dikaji.....	206
5.3.5	Cadangan kepada Profesion.....	207
5.3.6	Cadangan kepada Organisasi.....	207
5.3.7	Cadangan kepada Pengkajian Masa Hadapan.....	208
5.4	Penutup.....	210

**SENARAI RUJUKAN.....211**

**LAMPIRAN**

**PENERBITAN ARTIKEL JURNAL**

## SENARAI JADUAL

### Muka Surat

Jadual 1.1	Senarai Nama Kumpulan Boria.....	21
Jadual 1.2	Senarai Nama Penggiat Boria.....	14
Jadual 2.1	Jenis-jenis Warna.....	61
Jadual 2.2	Suhu Warna.....	62
Jadual 2.3	Nilai Warna.....	54
Jadual 2.4	Gubahan Warna.....	63
Jadual 2.5	Nama-nama Fabrik.....	64
Jadual 2.6	Jenis Tekstur.....	66
Jadual 2.7	Ukuran Asas Pakaian.....	69
Jadual 2.8	Fungsi Kemasan Pakaian.....	70
Jadual 3.1	Lokasi Latihan dan Nama Kumpulan yang Dipilih.....	82
Jadual 3.2	Senarai Tokoh dan Ketua Kumpulan.....	85
Jadual 3.3	Kumpulan Boria Omara.....	86
Jadual 3.4	Kumpulan Boria Kombinasi.....	86
Jadual 3.5	Kumpulan Boria Wawasan.....	86
Jadual 3.6	Soalan Umum yang Dikemukakan kepada Informan.....	89
Jadual 3.7	Kategori Proses Pengumpulan Data Berdasarkan Aspek dalam Kostum dan Komponen Boria Setiap Kumpulan.....	98
Jadual 3.8	Proses Menganalisis Data Berdasarkan Aspek dalam Kostum Tiga Kumpulan Mengikut Setiap Komponen Boria.....	99
Jadual 3.9	Kategori Proses Menganalisis Data Mengikut Komponen Boria dan <i>Nest</i> .....	99
Jadual 3.10	Kategori Proses Menganalisis Data Mengikut Komponen Boria dan Faktor Persekitaran.....	100

Jadual 4.1	Perbandingan Pemilihan dan Penggunaan Kostum Mengikut Peringkat Setiap Abad Disebabkan Faktor Persekitaran.....	103
Jadual 4.2	Perbezaan Tiga Kumpulan Berdasarkan Aspek dalam Kostum Komponen Pelakon 1.....	116
Jadual 4.3	Perbezaan Tiga Kumpulan Berdasarkan Aspek dalam Kostum Komponen Pelakon 2.....	121
Jadual 4.4	Perbezaan Tiga Kumpulan Berdasarkan Aspek dalam Kostum Komponen Pelakon 3.....	126
Jadual 4.5	Perbezaan Tiga Kumpulan Berdasarkan Aspek dalam Kostum Komponen Tukang Karang.....	131
Jadual 4.6	Perbezaan Tiga Kumpulan Berdasarkan Aspek dalam Kostum Komponen <i>Sailor</i> .....	136
Jadual 4.7	Persamaan Tiga Kumpulan Berdasarkan Aspek dalam Kostum Komponen Pemuzik.....	139
Jadual 4.8	Perbandingan Komponen Boria dalam Prapersembahan Setiap Kumpulan.....	140
Jadual 4.9	Perbandingan Kostum Komponen Boria dalam Tiga Kumpulan Berdasarkan Faktor Ekonomi.....	144
Jadual 4.10	Perbandingan Kostum Komponen Boria dalam Tiga Kumpulan Berdasarkan Faktor Politik.....	148
Jadual 4.11	Perbandingan Kostum Komponen Boria dalam Tiga Kumpulan Berdasarkan Faktor Sosial Masyarakat.....	150
Jadual 4.12	Perbandingan Komponen Boria dalam Pementasan Sebenar Setiap Kumpulan.....	153
Jadual 4.13	Perbandingan Kostum Komponen Boria dalam Tiga Kumpulan Berdasarkan Faktor Ekonomi.....	158
Jadual 4.14	Perbandingan Kostum Komponen Boria dalam Tiga Kumpulan Berdasarkan Faktor Politik.....	160
Jadual 4.15	Perbandingan Kostum Komponen Boria dalam Tiga Kumpulan Berdasarkan Faktor Sosial Masyarakat.....	161
Jadual 4.16	Rumusan Perbandingan Kostum Setiap Komponen Boria Berdasarkan Proses Persembahan.....	162
Jadual 4.17	Rumusan Perbandingan Kostum Setiap Komponen Boria Berdasarkan Faktor Persekitaran dan <i>Nest</i> .....	164

Jadual 4.18 Cadangan Aspek dalam Kostum Pelakon 1.....	166
Jadual 4.19 Cadangan Aspek dalam Kostum Komponen Pelakon 2.....	170
Jadual 4.20 Cadangan Aspek dalam Kostum Komponen Pelakon 3.....	174
Jadual 4.21 Cadangan Aspek dalam Kostum Komponen Tukang Karang.....	178
Jadual 4.22 Cadangan Aspek dalam Kostum Komponen <i>Sailor</i> .....	184
Jadual 4.23 Cadangan Aspek dalam Kostum Komponen Pemuzik.....	190

## SENARAI RAJAH

### Muka Surat

Rajah 1.1	Carta Aliran daripada Seni Persembahan Teater Tradisional Boria.....	6
Rajah 1.2	Kerangka Konseptual Kajian daripada Teori Persembahan oleh Richard Schechner (1985) Terhadap Kostum Boria.....	19
Rajah 2.1	Kepelbagaian Bentuk Kostum Melayu untuk Lelaki.....	48
Rajah 2.2	Senarai Aksesori.....	71
Rajah 3.1	Tiga Objektif Kajian.....	74
Rajah 3.2	Carta Aliran dalam Proses Kaedah Pengkajian.....	75
Rajah 3.3	Carta Proses Pemerhatian.....	94
Rajah 3.4	Carta Prosedur Proses Pengumpulan dan Analisis Data.....	96
Rajah 3.5	Carta Proses Perubahan Kostum Boria Mengikut Tiga Pecahan Setiap Abad Berdasarkan Data Sekunder.....	97
Rajah 5.1	Pencapaian Hasil Kajian berdasarkan Objektif Kajian.....	199
Rajah 5.2	Penyediaan Ringkas Cadangan Garis Panduan Kostum Boria.....	202

## SENARAI FOTO

### Muka Surat

Foto 2.1	Keadaan Pakaian yang Diguna Pakai oleh Golongan Jawi Peranakan.....	34
Foto 2.2	Kostum Ala Arab yang Dipersembahkan Semula di Seminar Boria Pada Tahun 1974.....	36
Foto 2.3	Rekaan Kostum Burung yang Diguna Pakai dalam Persembahan Boria.....	37
Foto 2.4	Kostum yang Pelik dan Bertopeng.....	37
Foto 2.5	Pemakaian Orang Inggeris Bersama Senjatanya Lewat Abad ke-19 di Pulau Pinang.....	41
Foto 2.6	Kostum yang Beraneka Ragam dan Kostum Orang Inggeris dalam Sebuah Kumpulan Boria.....	42
Foto 2.7	Gambaran Pemakaian Orang Amerika Berbaju Kot di Pulau Pinang.....	43
Foto 2.8	Kostum Boria Berunsur Kemelayuan.....	43
Foto 2.9	Beraneka Ragam Kostum Sebuah Kumpulan Boria Sekitar 1920-an.....	44
Foto 2.10	Rekaan Kostum Melayu yang Diguna Pakai Pada Sambutan Hari Kemerdekaan Tahun 1957.....	47
Foto 2.11	Kostum Tukang Karang dan <i>Sailor</i> yang Terdiri daripada Kaum Wanita.....	50
Foto 2.12	Kostum Setelah Memasuki RTM.....	51
Foto 2.13	Kostum Nelayan/Petani ( <i>Sailor</i> Lelaki dan Wanita), Kostum Berkebaya ( <i>Sailor</i> Wanita).....	52
Foto 2.14	Kostum Kumpulan Boria Golongan Remaja.....	53
Foto 2.15	Tukang Karang bersama <i>Sailor</i> Wanita dan Lelaki.....	54
Foto 2.16	Kostum Abad Ke-21 yang Terdiri daripada keseluruhan Lelaki Sahaja (Pelakon, Tukang Karang dan <i>Sailor</i> ).....	57

Foto 2.17	Kostum Abad Ke-21 yang Terdiri daripada <i>Sailor</i> dan Tukang Karang Wanita, Pelakon-pelakon Lelaki dan Wanita.....	57
Foto 2.18	Kostum Abad Ke-21 Percampuran <i>Sailor</i> Lelaki dan Wanita, Tukang Karang Lelaki.....	57
Foto 2.19	Roda Warna.....	61
Foto 3.1	Lima Daerah dalam Negeri Pulau Pinang.....	82
Foto 4.1	Kostum Pelakon 1 Kumpulan Omara.....	113
Foto 4.2	Kostum Pelakon 1 Kumpulan Kombinasi.....	114
Foto 4.3	Kostum Pelakon 1 Kumpulan Wawasan.....	115
Foto 4.4	Kostum Pelakon 2 Kumpulan Omara.....	118
Foto 4.5	Kostum Pelakon 2 Kumpulan Kombinasi.....	119
Foto 4.6	Kostum Pelakon 2 Kumpulan Wawasan.....	120
Foto 4.7	Kostum Pelakon 3 Kumpulan Omara.....	123
Foto 4.8	Kostum Pelakon 3 Kumpulan Kombinas.....	124
Foto 4.9	Kostum Pelakon 3 Kumpulan Wawasan.....	125
Foto 4.10	Kostum Tukang Karang Kumpulan Omara.....	128
Foto 4.11	Kostum Tukang Karang Kumpulan Kombinasi.....	129
Foto 4.12	Kostum Tukang Karang Kumpulan Wawasan.....	130
Foto 4.13	Kostum <i>Sailor</i> Kumpulan Omara.....	133
Foto 4.14	Kostum <i>Sailor</i> Kumpulan Kombinasi.....	134
Foto 4.15	Kostum <i>Sailor</i> Kumpulan Wawasan.....	135
Foto 4.16	Rekaan Kostum Komponen Pelakon 1.....	166
Foto 4.17	Rekaan Kostum Komponen Pelakon 2.....	170
Foto 4.18	Rekaan Kostum Komponen Pelakon 3.....	173
Foto 4.19	Rekaan Kostum Komponen Tukang Karang.....	178
Foto 4.20	Rekaan Kostum <i>Sailor</i> Lelaki dan Wanita.....	184



Foto 4.21 Rekaan Kostum Komponen Pemuzik..... 190

# **KAJIAN TERHADAP KOSTUM PERSEMBAHAN TEATER TRADISIONAL BORIA DI PULAU PINANG**

## **ABSTRAK**

Boria ialah sebuah teater tradisional yang dibawa masuk ke Pulau Pinang sejak awal abad ke-19. Pada awal kemunculannya, boria mempunyai perkaitan dengan peristiwa di Karbala yang mempunyai kefahaman Syiah. Terdapat lima elemen dalam boria iaitu sketsa bagi segmen pertama dan nyanyian, tarian, muzik serta kostum bagi segmen kedua. Pelbagai perubahan yang telah berlaku sehingga abad ke-21 antaranya elemen kostum. Kajian ini akan melihat tentang kostum yang diguna pakai dalam persembahan boria awal abad ke-19 hingga abad ke-21. Kostum boria mengalami perubahan besar yang selari dengan arus pembangunan moden dan peredaran zaman apabila boria diubah suai mengikut cita rasa dan budaya komuniti tempatan. Objektif kajian ini adalah mengenal pasti komponen yang terdapat dalam elemen persembahan boria mempengaruhi perubahan kostum. Seterusnya, menganalisis perubahan kostum terkini yang berlaku dalam persembahan boria dan memberi cadangan garis panduan terhadap kostumnya dalam memelihara dan memulihara persembahan boria. Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif yang melibatkan temu bual dan pemerhatian pengkaji bersama informan seperti wakil pegawai JKKNPP, tokoh boria dan melibatkan tiga kumpulan boria di Pulau Pinang. Hasil kajian ini mendapati perubahan ketara adalah aspek dalam kostum tukang karang, *sailor* dan pemuzik disebabkan ekonomi dalam faktor persekitaran dan proses persembahan. Bukan itu sahaja, perubahan turut berlaku disebabkan kehendak pihak penganjur dan keperluan penonton. Manakala kostum pelakon masih berada

dalam aliran asalnya. Cadangan garis panduan terhadap aspek dalam kostum boria seperti rekaan, warna, fabrik, tekstur, potongan, kemasan dan aksesori pelengkap gaya dapat dijadikan sebagai rujukan pada masa akan datang. Secara tidak langsung, kefahaman dan peranan kostum adalah penting untuk menerima dan menarik minat pelbagai lapisan masyarakat terhadap persembahan boria.

# A STUDY ON THE TRADITIONAL BORIA THEATRE PERFORMANCE'S COSTUMES IN PENANG

## ABSTRACT

Boria is a traditional theatre first brought to Penang in the early 19<sup>th</sup> century. During its initial appearance, boria is linked to the events in Karbala, which has a Shia ideology. Boria has five elements: sketches in the first segment and singing, dance, music, and costumes in the second segment. Hence, various changes have occurred until the 21<sup>st</sup> century, including the costume element. This study will look at the costumes used in the early 19<sup>th</sup> to 21<sup>st</sup> century boria performances. The costumes have undergone significant changes that are in line with modern development, causing boria to be adapted according to the tastes and culture of the local community. This study aims to identify the components present in the boria performance elements that affected the costume changes. This study also would like to analyse the latest changes in the boria costume and give suggestions for preserving and conserving them. This study uses a qualitative method involving interviews and observations with informants such as the representatives of JKKNPP officers, boria figures, and three boria groups in Penang. This study found that the significant changes have affected the *tukang karang*, sailor, and musician's costumes due to economics in the environmental factors and the performance processes. Not only that, but the changes have also occurred due to the organisers' desire and the audiences' need. Meanwhile, the actor's costume is still in its original flow. The proposed guidelines on the costume have touched on aspects such as design, colour, fabric, texture, cut and finish, and the complementary accessories for future reference.

Indirectly, the understanding and role of the costumes are essential to attract the interest of the various sections of society towards boria performances.

# BAB 1

## PENDAHULUAN

### 1.1 Pengenalan

Bab ini akan membicarakan tentang latar belakang kajian secara umum ke spesifik diikuti pernyataan masalah. Selain daripada itu, bab ini juga akan menyatakan persoalan kajian dan objektif kajian. Bab ini juga turut menjelaskan tentang kepentingan kajian dan skop kajian oleh pengkaji. Seterusnya, kerangka konseptual turut dibincangkan termasuklah kesimpulan pada akhir bab ini.

### 1.2 Latar Belakang Kajian

Harry Sulastianto (2006) menyatakan kesenian secara umumnya merupakan salah satu cara seseorang itu bermasyarakat dan ekspresi seseorang untuk berhubungan dengan orang lain. Seni persembahan tidak pernah terlepas daripada kelompok masyarakat setempat dimana seni persembahan itu muncul. Menurut Subiyantoro (1999), kesenian tidak dapat dipisahkan daripada manusia sebagai pelaku dan kebudayaan yang digunakan sebagai kerangka acuannya dalam berperilaku masyarakat. Oleh itu, kepentingan komunikasi berterusan yang berlaku dalam masyarakat terhadap penggiat seni, terbentuknya seni persembahan hingga wujud dinamisme<sup>1</sup>, apresiasi<sup>2</sup> dan interpretasi<sup>3</sup> yang memungkinkan bentuk persembahan tradisional itu terus menyerlah (Rahmah Bujang, 2007).

Menurut Schechner (1985), persembahan dapat diaplikasi sebagai alat analisis untuk meneliti semua jenis persembahan seperti klasikal, moden, tekstual, non-tekstual,

---

<sup>1</sup> Sifat dinamik yang mempunyai reka bentuk baharu untuk memberikan keadaan yang lebih segar dan menyerlahkan aspek reaktiviti.

<sup>2</sup> Penghargaan, pengiktirafan dan penghayatan nilai terhadap sastera atau karya seni.

<sup>3</sup> Tafsiran atau penjelasan terhadap sesuatu perkara yang mengalami perubahan dengan segala tingkah laku.

dramatik, teaterikal, permainan dan ritual. Faktor persekitaran yang merangkumi aspek ekonomi, politik dan sosial masyarakat adalah punca perubahan sesuatu persembahan. Memandangkan persembahan adalah sebahagian daripada struktur budaya masyarakat, perubahan signifikan yang berlaku disebabkan penentuan tiga aspek tersebut sudah pasti mendorong terhadap sebuah persembahan.

Selain itu, masyarakat Melayu mempunyai bentuk keseniannya tersendiri termasuklah dalam seni persembahan. Mohd Kipli (2013) mengatakan bahawa seni persembahan mempunyai pelbagai unsur seni seperti seni rupa, seni muzik, seni suara dan nyanyian, lakonan dan pentas, solekan, aksesori dan kostum. Menurut Kipli lagi, seni persembahan Melayu dipenuhi dengan simbol dan makna yang sarat sebagai contoh simbol yang diambil daripada flora, fauna dan anggota seluruh tubuh badan manusia.

Manakala menurut Rahmah Bujang (1994), turut mengatakan seni persembahan adalah satu kegiatan yang kreatif yang merangkumi dua bidang kesenian iaitu seni kesusasteraan melalui skrip (drama) dan seni persembahan melalui pementasan (teater). Teater tradisional merupakan komponen dalam seni persembahan. Ghouse Nasuruddin (2000) teater tradisional mempunyai ciri-ciri dramatik seperti tarian, muzik dan percakapan, penceritaan tentang mitos dan legenda, pelawak dan pengasuh, gaya persembahan, lakonan dan latihan lakonan. Lantaran itu, teater tradisional Melayu mempunyai rangkaian spiritual dan dramatik yang menggabungkan unsur-unsur animisme<sup>4</sup> seperti Hindu dan Islam.

---

<sup>4</sup> Kepercayaan terhadap benda hidup dan sesuatu benda mempunyai roh yang mempunyai kekuatan.

Persembahan tradisional di Malaysia mempunyai nilai seni yang unik daripada estetikanya seperti mak yong, kuda kepang, wayang kulit, dikir Barat dan boria (Sulaiman Zakaria, 2007). Menurutnya lagi seni budaya tradisional merupakan hasil tinggalan warisan nenek moyang kita. Secara tidak langsung, sebuah persembahan seni teater tradisional sudah menjadi asas untuk tradisi Melayu mempunyai khazanah yang mempunyai daya tarikan semasa yang telah dihasilkan oleh masyarakat zaman dahulu (Noor Hafedah Jamiyil, 2019).

Bentuk persembahan seperti mak yong dan wayang kulit terutama sekali boria telah dibuktikan sebagai teater tradisional kerana persembahannya merupakan tradisi lisan yang dimiliki dan diperturunkan daripada seorang ke seorang oleh sebuah kelompok masyarakat pada zaman dahulu (Rahmah Bujang, 2007). Ekoran daripada itu, kefahaman terhadap persembahan boria dahulu dan masa kini sudah berubah mengikut zaman disebabkan pengaruh media elektronik sangat kuat oleh golongan remaja masa kini (Omara 2019, dipetik daripada Zabry, 2019).

Boria ialah persembahan teater yang amat popular di negeri utara Malaysia, terutama di Pulau Pinang. Berdasarkan kajian Ghouse Nasuruddin (2000), persembahan boria bermula di Pulau Pinang dilakukan oleh kumpulan pekerja India dari *British East India Company*. Selain daripada itu, ada pula mengatakan bahawa boria diperkenalkan oleh *The Twenty-First Indian Regiment* pada awal abad ke-19. Boria ini banyak dikaitkan dengan peristiwa Karbala iaitu peristiwa pembunuhan Saidina Hussein r.a (cucu Nabi Muhammad s.a.w) iaitu putera kepada Saidina Ali oleh tentera-tentera Muawiyah. Pernyataan oleh Mohammad Monib dan Islah Bahrawi



(2011), peristiwa Karbala merupakan sejarah yang paling kelam dan berdarah yang merupakan pembunuhan terberat dan tragis dalam sejarah Islam.

Pada kemunculan boria, para pengikut akan bersyair, bersajak, berlakon sementara ada pengikut yang sanggup meratap serta mencederakan diri sendiri hingga berdarah semata-mata ingin meratapi dan merasai suasana peristiwa Karbala itu (Ghouse Nasuruddin, 2000). Akhirnya, perubahan masa dan sekatan terhadap penyebaran pemahaman Syiah menyebabkan boria mengambil bentuk baru termasuklah kostum yang telah digunakan dalam persembahannya.

Kemudiannya, golongan Jawi Peranakan mempunyai pengaruh besar terhadap perubahan yang berlaku dalam sambutan Muharam dan persembahan boria (Mahani Musa, 2003). Hal ini demikian kerana, perkahwinan campur antara wanita Melayu tempatan dan banduan India yang beragama Islam telah menjejaskan sambutan Muharam. Menjelang 1860-an, boria telah berubah bentuknya menjadi persembahan rakyat (Hajar, 2012).

Ghouse Nasuruddin (2000), telah mengatakan persembahan boria awalnya muncul sebagai boria tempatan yang mengenang kematian, kemudian tujuannya bertukar kepada hiburan umum. Lantaran itu, popularitinya sebagai bentuk hiburan terbukti daripada jumlah kumpulan boria yang muncul lebih banyak. Kini boria membawa maksud lain apabila orang Melayu merujuk persembahan yang dilakukan oleh sekumpulan penghibur yang memuji negeri atau pemimpin yang menaungi kumpulan boria tersebut yang dipecahkan kepada dua segmen (Wazir, 2009).


Dari segi bentuk dan genre, boria dulu dan kini mengandungi dua segmen utama, iaitu sketsa komedi yang berjenaka yang akan dilakonkan dalam segmen pertama persembahan dan diikuti dengan segmen kedua iaitu nyanyian serta tarian dengan iringan muzik, berdasarkan tema yang sama dalam persembahannya (Rahmah Bujang, 1987). Selain daripada itu, kedua-dua segmen ini terdapat penggunaan kostum yang diguna pakai oleh komponen boria bagi melengkapkan persembahannya.

Berdasarkan dua segmen tersebut secara tidak langsung, boria mempunyai lima elemen dalam persembahannya iaitu sketsa, nyanyian, tarian, muzik dan kostum. Seterusnya, berdasarkan elemen tersebut terdapat komponen di dalamnya seperti pelakon sketsa, tukang karang<sup>5</sup>, *sailor*<sup>6</sup>, dan pemuzik yang mengalami perubahan elemen kostumnya. Sementara itu, istilah daripada perkataan *sailor* yang digunakan ini boleh membawa maksud kepada kelasi, pelaut, anak kapal atau pekerja yang berada dalam kapal dengan mempunyai bilangan yang ramai (Kamus Dewan Edisi Keempat). Bagaimanapun, penggiat-penggiat boria yang lama telah menetapkan hanya satu sahaja panggilan untuk penari dalam boria iaitu *sailor*. Oleh yang hal demikian, penggunaan kata nama *sailor* ini dalam teater tradisional boria dari segi konteks, ia dapat dikaitkan dengan sejarah kemasukannya di negeri Pulau Pinang semasa penjajahan British.

---

<sup>5</sup> Istilah kepada penyanyi utama dalam persembahan boria yang berada di barisan paling hadapan.

<sup>6</sup> Istilah kepada penari yang digunakan dalam persembahan boria yang menari sambil bernyanyi.



Rajah 1.1: Carta Aliran daripada Seni Persembahan Teater Tradisional Boria (Sumber: Olahan Pengkaji, 2019)

Berdasarkan Rajah 1.1, jelas menunjukkan bahawa elemen kostum boria mempunyai perkaitan yang saling melengkapi antara empat elemen lainnya (sketsa, nyanyian, tarian dan muzik) dan komponennya (pelakon, tukang karang, *sailor* dan pemuzik). Ki Ageng Suryomentaram (2002) telah menyatakan, pakaian merupakan keperluan asas bagi kehidupan manusia untuk menutupi badan daripada keadaan panas dan sejuk. Meskipun begitu, perkataan lain bagi pakaian adalah kostum yang diguna pakai oleh seseorang yang melibatkan dirinya semasa persembahan drama dan teater (Kamus Dewan Edisi Keempat).

Manakala Cikawati (2020), kostum adalah pakaian lengkap dengan tambahan aksesori yang diguna pakai oleh seseorang untuk melakukan sesuatu persembahan. Kostum yang digunakan dalam teater juga boleh dibahagikan kepada kostum sedia ada, kostum direka khas dan kostum bercirikan improvisasi (Carren Hong Kim Lan

et al., 2019). Begitu juga dengan persembahan seni teater boria turut menggunakan elemen kostum oleh setiap komponen dalam elemennya. Mohd. Ghazali Abdullah (2014), turut mengatakan bahawa kostum menimbulkan kesan kekaguman kerana penggunaannya dapat disesuaikan dengan watak dan perwatakan serta cerita yang dipaparkan. Secara tidak langsung, ia dapat mengelakkan kebosanan kepada penonton semasa menonton persembahan yang dipentaskan.

Elemen sketsa yang terdiri pelakon menggunakan kostum yang pelbagai mengikut jenis cerita pada peringkat awal persembahan boria (Ghouse Nasruddin, 2000). Rahmah Bujang (1987) telah menyifatkan sketsa merupakan komedi, sehingga beliau meletakkan komedi dilakonkan sebagai komedi *farcical*<sup>7</sup> bersifat menyindir. Lakonan mereka pula perlu besahaja dan santai, tanpa dipaksa. Selain daripada itu, komponen tukang karang yang merujuk kepada ketua penyanyi akan mengenakan kostum dalam elemen nyanyiannya telah mengalami perubahan masa kini kerana arus permodenan (Ferdhaus, Masitah dan Badaruddin, 2014).

Iringan muzik dimainkan oleh komponen pemuzik yang memainkan peranan untuk mengiringi nyanyian dan tarian. Persembahan boria asli akan memainkan muzik yang berbeza alatan muzik mengikut cerita yang dipersembahkan. Bukan itu sahaja, alat-alat muzik boria mengalami perubahan mengikut peredaran masa (Ferdhaus Sazali, Masitah Muhibudin, Badaruddin Mohamed, 2014). Sementara itu, pemuzik juga turut memakai kostum semasa persembahan berlangsung sambil bermain alatan muzik berlandaskan tema penceritaan persembahan telah mengalami perubahan.

---

<sup>7</sup> Membawa maksud kepada melucukan.

Seterusnya, pergerakan tarian oleh *sailor* iaitu penari memakai kostum yang pelbagai dan melakukan lawak jenaka yang sesuai dengan persembahan boria dahulu (Ghouse Nasuruddin, 2000). Pada masa kini, *sailor* menggunakan pergerakan tari dan kostum yang telah diseragamkan. Keadaan dalam dunia tari, kostum digunakan untuk tujuan menutup tubuh penari yang memiliki tiga bahagian iaitu bahagian kepala seperti penutup kepala, bahagian badan atas seperti baju, dan bahagian badan bawah seperti kain atau seluar (Soedarsono, 1978).

Kesimpulannya kostum boria berperanan penting kepada pelakon sketsa, tukang karang, *sailor*, dan pemuzik dalam persembahan boria untuk memperkenalkan dan menggambarkan watak, meletakkan watak dalam sesuatu era, zaman atau tempat mengikut konteks dan konsep persembahan. Berdasarkan penulisan oleh Widjningsih (1982) perkara yang harus dilihat untuk menghasilkan kostum yang baik adalah seperti bentuk, kesederhanaan dan keindahannya serta diperbuat daripada bahan yang sesuai. Unsur kekinian terhadap pengkostuman dalam teater tradisional Melayu boleh dibahagikan kepada beberapa aspek seperti rekaannya<sup>8</sup>, warna<sup>9</sup>, fabrik<sup>10</sup>, tekstur<sup>11</sup>, potongan<sup>12</sup>, kemasan dan aksesori pelengkap gaya<sup>13</sup> (Nur Afifi, 2019).

---

<sup>8</sup> Kaedah atau pengolahan terhadap sesuatu objek atau bahan yang dapat dilihat secara visual.

<sup>9</sup> Warna ialah kesan daripada cahaya yang dipantulkan oleh sesuatu objek atau benda dan ia dapat dilihat melalui pandangan mata seseorang, contohnya warna pada kostum.

<sup>10</sup> Fabrik merujuk kepada nama jenis kain yang dihasilkan daripada gentian asli atau gentian buatan yang menghasilkan kesan tekstur.

<sup>11</sup> Tekstur merupakan jalinan bahagian-bahagian yang halus pada fabrik sehingga menghasilkan kesan melalui deria penglihatan dan deria sentuhan.

<sup>12</sup> Potongan pada kostum merangkumi ukuran, saiz, cara pemotongan kain dan perbezaan pemotongan kain mengikut jantina.

<sup>13</sup> Kemasan dan aksesori pelengkap gaya dalam kostum adalah barangan ataupun objek yang akan ditambah bertujuan bagi melengkapkan keseluruhan kostum, menutupi bahagian tertentu pada anggota badan, menambah keyakinan, kecantikan dan keserian seseorang yang memakainya, menunjukkan perbezaan dan menjelaskan tentang watak dan perwatakan.

### **1.3 Penyataan Masalah**

Berdasarkan penulisan oleh Abdul Hadi (2016), penggunaan kostum yang banyak amat diperlukan dalam sebuah kumpulan boria yang terdiri daripada jumlah ahlinya yang ramai menyebabkan mereka merasa rumit untuk melakukan persembahan boria bagi tujuan promosi. Sudah pastinya, para penggiat yang mempunyai kumpulan boria melalui kesukaran untuk bertahan. Selain itu, Jibril dalam Saharudin Musthafa (2018), kekurangan jumlah kumpulan boria pada zaman kini amat membimbangkan berbanding pada zaman dahulu. Malah beliau berpendapat, masih terdapat anak jati Pulau Pinang yang tidak mengetahui tentang persembahan boria. Keadaan ini tentunya mendorong kesan yang negatif terhadap persembahan boria pada masa kini jika tiada lagi pelapis baharu untuk meneruskannya. Sudah tentu kefahaman terhadap kostum boria turut terjejas dari segi fungsi kerana peranannya berkait rapat dengan keseluruhan elemen dan komponen persembahan boria.

Perkembangan zaman menyebabkan boria turut dikatakan melalui era cabaran yang menguji keutuhannya sehingga menyaksikan berlaku evolusinya tersendiri. Mahd. Ishak (1979) mengatakan bahawa boria di Pulau Pinang telah mengalami perubahan yang amat ketara daripada fungsinya untuk mengenang kisah pembunuhan Saidina Hussein kepada sebuah persembahan bersuka ria. Melalui ajaran, falsafah dan prinsip Syiah serta kenangan pedih peristiwa Karbala dengan menggunakan kostum tikar untuk meratapi dan menggambarkan kesengsaraan hidup, telah ditinggalkan dan tidak lagi digunakan dalam persembahan boria kini. Menyedari hakikat ini, perubahan yang berlaku turut melibatkan kostum disebabkan faktor persekitaran sehingga tidak lagi mengikut aliran asalnya dari segi konteks kerana telah

menempuhi beberapa cabaran peringkat demi peringkat (awal abad ke-19 hingga abad ke-21) dan mengalami tekanan semasa.

Peredaran zaman dan sekatan terhadap penyebaran pemahaman Syiah menyebabkan boria diubah suai mengikut cita rasa dan budaya komuniti tempatan (Ferdhaus, Masitah dan Badaruddian, 2014). Perubahan yang dilakukan untuk menarik lebih ramai penonton terhadap persembahan boria. Begitu juga dengan perubahan yang berlaku dalam elemen kostum yang diguna pakai oleh komponen seperti pelakon, tukang karang, *sailor* dan pemuzik. Ekoran daripada itu, terjadinya pemilihan dan penggunaan kostum mengikut sesuka hati dan mengikut cita rasa kumpulan dari segi fungsinya. Hal ini kerana tiada satu pun pelarasan yang tetap untuk pemakaian kostum boria bagi semua komponen boria secara lebih terperinci melibatkan aspek dalam kostumnya.

Kajian yang telah dilakukan oleh Mahani Musa (2003), hanya merungkai dan memfokuskan boria Muharam terhadap masyarakat tidak mempunyai identiti berbanding perincian kostum setiap komponennya. Manakala Ghouse Nasruddin (2000), dalam buku yang ditulisnya menceritakan tentang struktur boria berbanding penjelasan yang lebih mendalam terhadap pemilihan dan penggunaan aspek dalam kostum setiap komponennya. Selain itu, pernyataan oleh tokoh boria seperti Basir Gulam<sup>14</sup>, Jibrani<sup>15</sup> dan Omara<sup>16</sup> di dalam keratan akhbar hanya menjelaskan perubahan kostum secara umum. Hal ini membuktikan bahawa panduan kostum boria tidak pernah dihasilkan secara ilmiah sama ada tokoh dan penggiat boria yang sedia ada serta penyelidik sebelum ini.

---

<sup>14</sup> Tak salah boria berubah, Berita Harian 19 September 2016

<sup>15</sup> Boria dapat perhatian kembara bahasa, Berita Harian 28 Oktober 2015

<sup>16</sup> Boria mengkritik sambil menghibur, Berita Harian 3 Februari 2014

Selain itu, kekurangan penelitian terhadap pemilihan dan penggunaan kostum boria secara terperinci menyebabkan rujukan panduan terhadap kostum boria tertumpu pada media sosial seperti *Youtube*. Akibatnya, rujukan hanya tertumpu pada visual tanpa mengetahui kefahaman sebenar terhadap pemilihan dan penggunaan kostum setiap komponen boria. Oleh yang demikian, permasalahan yang berlaku membolehkan kajian ini meneliti perubahan dan perkembangan dari segi konteks dan fungsi terhadap kostum boria di Pulau Pinang. Seterusnya, analisis terhadap setiap kostum komponen boria juga akan dilaksanakan secara menyeluruh yang merangkumi aspek reka bentuk kostum, jenis fabrik, tekstur, warna, potongan, kemasan dan aksesori pelengkap gaya. Hal ini juga bertepatan dengan setiap kumpulan yang mempunyai minat yang berbeza dalam setiap pemilihan dan penggunaan kostum untuk ditonjolkan dalam persembahan kepada penonton agar identiti kumpulan boria ini dikenali.

Menurut Michael Holt (1988), penonton terlebih dahulu akan melihat kostum yang dipakai oleh pelaku itu apabila bermulanya persembahan. Keadaan ini berlaku disebabkan kostum merupakan sebahagian daripada persembahan kerana penonton lebih tertarik kepada hasil rekaan kostum dalam sebuah persembahan termasuklah boria. Oleh itu, yang lebih utama lagi adalah kajian ini dapat melihat perubahan kostum yang berlaku terhadap persembahan boria sejak diperkenalkan sehingga kini. Bahkan juga, kehendak masyarakat yang mahukan kelainan kostum dari segi fungsi mengikut peredaran zaman teknologi kini sehingga terlupa tentang segi konteksnya.



#### **1.4 Tujuan Kajian**

Pengkaji memilih tajuk kajian terhadap kostum boria kerana merasakan kostum memainkan peranan penting bagi setiap komponen dalam elemen boria. Selain itu, memberi kefahaman terhadap perubahan dan perkembangan kostum boria dari segi konteks dan fungsinya yang kurang disentuh secara terperinci dalam kajian-kajian yang lepas. Tujuan kajian ini juga dapat memberi kefahaman tentang kostum setiap komponen dalam elemen boria supaya dilindungi agar tidak terjejas melalui penggiat-penggiat boria, pelapis baharu, JKKN serta sesiapa sahaja apabila divisualkan kepada penonton dengan pelbagai peringkat usia terutama golongan muda. Justeru, ia dapat menarik minat penonton melalui padangan pertama terhadap kostum untuk menonton, mempelajari atau mendalami teater tradisional boria. Oleh itu, jumlah kumpulan boria yang masih wujud pada saat ini dapat dipertahankan dan dapat memberi semangat untuk mereka melakukan persembahan boria dengan lebih kerap. Secara tidak langsung, ia dapat menyedarkan komuniti dan masyarakat umum di Malaysia tentang teater tradisional boria masih lagi wujud di negeri Pulau Pinang.

Pemilihan dan penggunaan aspek dalam kostum mengikut sesuka hati tanpa mengambil berat dan tidak peduli tentang tujuan pemakaian mampu memberi perubahan ke arah keburukan. Oleh itu, tujuan kajian ini berupaya dapat menunjukkan aspek dalam kostum (rekaan, warna, fabrik, tekstur, potongan, kekemasan dan aksesori pelengkap gaya) dari segi fungsi yang digunakan dalam persembahan boria pada masa kini berdasarkan tiga kumpulan melalui faktor persekitaran (ekonomi, politik dan sosial masyarakat) dan proses persembahan (prapersembahan dan pementasan sebenar). Oleh itu, ia dapat menentukan pemilihan dan penggunaan kostum mengikut penarikan penonton, cita rasa kumpulan,

ketetapan pihak penganjur, kesesuaian majlis, mengikut tema dan jalan cerita dalam keseluruhan persembahan boria.

Bukan itu sahaja, melalui pemilihan dan penggunaan aspek dalam kostum boria terkini, pengkaji dapat membangunkan cadangan garis panduan maka ia secara tidak langsung dapat mengekalkan identiti kostum boria untuk setiap komponennya iaitu pelakon sketsa, tukang karang, *sailor* dan pemuzik sehingga dapat memelihara dan memulihara seni persembahan boria. Oleh yang demikian, contoh foto kostum semua komponen boria berserta penerangan secara terperinci untuk dijadikan rujukan pada masa akan datang apabila hasil kajian ini dapat diterbitkan. Akhirnya, rujukan sebelum ini yang hanya tertumpu pada visual tanpa mengetahui kefahaman sebenar terhadap pemilihan dan penggunaan kostum setiap komponen dalam elemen boria dari segi konteks dan fungsi dapat diatasi oleh pelbagai pihak. Tidak lupa juga, tujuan kajian ini dapat menyumbang dan membantu profesion, organisasi dan pengkajian masa hadapan terhadap bidang seni persembahan ini.

### **1.5 Persoalan Kajian**

Pengkaji telah membangunkan beberapa persoalan bagi menjawab objektif yang disenaraikan dalam kajian ini. Antara persoalan kajian yang ditimbulkan adalah seperti berikut:

1. Apakah komponen yang terdapat dalam elemen persembahan boria mempengaruhi perubahan kostum?
2. Bagaimanakah perubahan kostum terkini dalam persembahan boria?
3. Bagaimana mengemukakan cadangan garis panduan terhadap kostum boria?

## **1.6 Objektif Kajian**

Hasil kajian akan menjurus kepada objektif-objektif yang disediakan oleh pengkaji dalam menghasilkan sebuah pengkajian seperti berikut :

1. Mengenal pasti komponen yang terdapat dalam elemen persembahan boria mempengaruhi perubahan kostum.
2. Menganalisis perubahan kostum terkini yang berlaku dalam persembahan boria.
3. Memberi cadangan garis panduan terhadap kostum boria dalam memelihara dan memulihara seni persembahan boria.

## **1.7 Kepentingan Kajian**

Melalui aplikasi teori persembahan Richard Schechner (1985), kajian ini dapat menghuraikan perkembangan dan perubahan kostum, serta menganalisis proses persembahan boria berdasarkan kostum yang dipakai adalah berasaskan dua konsep iaitu faktor persekitaran dan *nest*. Kajian ini bertujuan untuk mengetahui sejauh mana perubahan dan perkembangan kostum dalam persembahan boria di Pulau Pinang sejak kemunculannya sehingga masa kini. Penerimaan penggiat boria dalam menempuhi era pemodenan menyebabkan berlakunya perubahan yang dilakukan oleh kumpulan boria masing-masing bagi memberikan kelainan dalam persembahan. Justeru, kajian yang akan dilakukan ini tepat pada masanya untuk memberi penjelasan dan kefahaman kepada pelbagai pihak terhadap elemen kostum setiap peringkat awal abad ke-19 hingga awal abad ke-21 persembahan boria.

Lantaran itu, pengkaji merasakan bahawa pengkajian secara menyeluruh terhadap pemilihan dan penggunaan kostum terkini berdasarkan penentuan faktor persekitaran dan proses persembahan. Walaupun, sudut pengkostumannya berbeza disebabkan

cita rasa dan kreativiti yang mengikut keadaan semasa. Kepentingan kajian dapat memberikan sudut padangan yang baharu yang lebih segar dalam pengkajian seni persembahan tradisional. Hal ini disebabkan tumpuan sebelum ini kearah aspek yang lain seperti struktur boria, sejarah, sketsa boria dan sebagainya berbanding perincian aspek dalam kostum.

Tambahan pula, kajian ini juga akan menjadi satu bentuk pendokumentasian baharu melalui cadangan pelarasan panduan penggunaan kostum dalam teater tradisional boria. Hal ini tercetus apabila panduan penggunaan kostum sebelum ini adalah bersifat umum tanpa perincian aspek dalam kostum yang lengkap untuk dijadikan rujukan. Lantaran itu, kajian yang akan dilakukan dapat dijadikan panduan kepada penggiat boria sedia ada, bakal pelapis baharu, Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara Pulau Pinang (JKKNPP) dan sesiapa sahaja yang memerlukannya sama ada untuk tujuan komersial dan pertandingan. Hasil dengan berbuat demikian, ia dapat memulihara dan memelihara kostum untuk mengekalkan identitinya setiap komponen boria dan seterusnya mengapresiasi terhadap teater tradisional boria.

Bersandarkan pada saluran ilmu yang dapat didedahkan dan dikembangkan melalui hasil kajian ini kepada penggiat-penggiat boria, ia agar dapat memperbaiki kekurangan pemilihan dan penggunaan kostum dari semasa ke semasa. Malah pemikiran yang produktif dan kreatif seiring dengan aspek dalam kostum boria yang dicadangkan dalam kajian ini dapat divisualkan pada mata padangan penggemarnya sendiri dan khusus kepada masyarakat atau komuniti biasa supaya meningkatkan mutu persembahan. Secara tidak langsung, ia dapat memberi impak positif kepada masyarakat atau komuniti biasa untuk menarik minat mereka sama ada untuk

menonton, mempelajari atau mendalami teater tradisional boria bermula dengan pandangan pertama terhadap kostum. Hal ini kerana kejayaan persembahan teater tradisional boria sering kali dikaitkan dengan pemilihan dan penggunaan setiap kostum yang diguna pakai oleh komponennya. Tidak lupa juga, pentingnya kajian ini dapat memperlihatkan implikasi kajian melalui teori, dasar, praktis dan bidang yang dikaji.

### **1.8 Skop Kajian**

Kajian ini memfokuskan penelitian terhadap persembahan boria yang terdapat di negeri Pulau Pinang dengan melihat perubahan kostum setiap komponen boria iaitu pelakon sketsa, tukang karang, *sailor* dan pemuzik dalam elemen persembahannya. Selain itu, penggiat boria yang terdiri daripada tokoh dan ketua kumpulan boria di Pulau Pinang merupakan rujukan pada kajian ini untuk mendapatkan dan mengumpul data serta membantu untuk menjayakan kajian ini. Jadual 1.1 berikutnya menunjukkan tiga kumpulan yang dipilih oleh pengkaji yang diambil daripada data JKKNPP<sup>17</sup>.

Kumpulan-kumpulan ini telah didaftarkan secara pertubuhan bukan kerajaan (NGO) dibawah JKKNPP. Selain itu, kumpulan yang dipilih adalah kumpulan yang masih aktif dan sering melakukan persembahan boria di majlis tertentu melalui jemputan oleh pihak penganjur. Bukan itu sahaja, kumpulan boria tersebut turut bekerjasama dalam menjayakan program-program berunsur boria yang dianjurkan oleh pihak JKKNPP. Seterusnya senarai pemilihan informan komponen boria yang terdiri daripada pelakon sketsa, tukang karang, *sailor* dan pemuzik akan ditentukan oleh ketua kumpulan masing-masing.

---

<sup>17</sup> Akronim untuk Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara Pulau Pinang.

Jadual 1.1 : Senarai Nama Kumpulan Boria

<b>Nama kumpulan</b>	<b>Penempatan</b>
Kumpulan Boria Omara	Taman Pauh, Pematang Pauh Seberang Perai, Pulau Pinang
Kumpulan Boria Kombinasi	Kampung Melayu, Air Hitam, Pulau Pinang
Kumpulan Boria Wawasan	Jalan Dato Keramat, Georgetown, Pulau Pinang

(Sumber: JKKNPP, 2019)

Jadual 1.2: Senarai Nama Penggiat Boria

<b>Penggiat Boria</b>	<b>Jawatan</b>
1. Omar Md. Hashim (Omara)	Tokoh boria dan ketua kumpulan
2. Syed Akir bin Syed Ahmad (Syed Agil)	Tokoh boria dan ketua kumpulan
3. Jibrán Khalil bin Hj. Sindamadar (Jibrán)	Tokoh boria dan ketua kumpulan

(Sumber: JKKNPP, 2019)

Kemudian, kajian ini menggunakan kaedah penyelidikan kualitatif dengan menggunakan dua kaedah iaitu temu bual dan pemerhatian untuk mendapatkan dan mengumpul data sebagai sumber primer. Nota lapangan merupakan penyokong utama dalam mengesahkan kerja-kerja lapangan yang dijalankan dalam kajian kualitatif. Malah, pembuktian pelbagai media melalui gambar, video dan perakam suara direkodkan untuk penulisan analisis, perbincangan dan dapatan kajian. Di samping itu, sumber sekunder yang terdiri daripada bahan bacaan seperti buku, tesis, jurnal, surat khabar dan internet turut dijadikan rujukan untuk melengkapkan kajian ini.

## 1.9 Kerangka Konseptual


Richard Schechner (1985), dalam teori persembahan yang terdiri daripada konsep faktor persekitaran, *production mode* dan *nest* yang dikemukakan dalam teori ini. Bagaimanapun, kajian ini hanya memilih dua aspek sahaja iaitu faktor persekitaran dan proses persembahan (*nest*) dipilih untuk menerangkan fenomena perkembangan dan perubahan kostum persembahan boria di Pulau Pinang. Faktor persekitaran yang dipengaruhi oleh aspek ekonomi, politik dan sosial masyarakat. Hal ini menyebabkan berlakunya perubahan kostum dan perkembangan dalam persembahan boria mampu memberi kesan terhadap terhadap pemilihan dan penggunaan aspek dalam kostum kini.

Penentuan faktor persekitaran juga mendorong keadaan aktiviti proses persembahan. Schechner menggunakan istilah *nest* (proses persembahan) bagi menggambarkan sesebuah persembahan yang merangkumi pelbagai aktiviti dari peringkat permulaan sehingga peringkat pengakhiran sebuah produksi yang melibatkan keseluruhan ahlinya. Proses persembahan yang terdiri proses prapersembahan, proses berkumpul, proses pementasan sebenar dan proses bersurai yang dikemukakan oleh Richard Schechner. Walau bagaimanapun, kajian ini hanya memfokuskan pada prapersembahan dan pementasan sebenar.

Pada peringkat prapersembahan, ahli produksi atau kumpulan akan melakukan pelbagai jenis aktiviti sebagai persiapan sebelum pelaksanaan pementasan sebenar. Menentukan hari latihan, memilih masa latihan, menetapkan tempat latihan dan melakukan kaedah latihan pementasan adalah antara aktiviti prapersembahan yang berlaku dalam sebuah kumpulan boria. Malah, penelitian terhadap pemilihan,

percubaan dan penentuan aspek dalam kostum boria semasa prapersembahan menjadi fokus utama oleh pengkaji untuk dibincangkan. Manakala pada peringkat pementasan sebenar pula akan melibatkan aspek-aspek seperti kostum, mekap, kaedah lakonan, pergerakan, nyanyian, muzik dan tarian.

Perbincangan terhadap pementasan sebenar boria akan lebih tertumpu pada aktiviti yang berkait rapat dengan kostum bagi setiap komponen boria apabila mereka berada di tempat pementasan sebenar, sebelum naik ke pentas, semasa berada di atas pentas dan sesudah menuruni pentas. Oleh hal demikian, penentuan faktor persekitaran mendorong kepada keadaan aktiviti pemilihan dan penggunaan kostum dalam *nest* (proses persembahan) bagi sebuah teater tradisional boria. Lantaran itu, terhasilnya keadaan kostum yang digunakan setelah perubahan yang berlaku.



Rajah 1.2: Kerangka Konseptual Kajian daripada Teori Persembahan oleh Richard Schechner (1985) Terhadap Kostum Boria  
(Sumber: Olahan Pengkaji, 2019)



## 1.9 Organisasi Tesis

**Bab pertama** mengandungi beberapa perkara untuk memberi gambaran kepada kajian yang akan dilakukan seperti pengenalan, latar belakang kajian dan pernyataan masalah. Selain itu, tujuan kajian, persoalan kajian, objektif kajian dan kepentingan kajian turut dinyatakan dalam bab ini. Bukan itu sahaja, bab ini juga menjelaskan skop kajian, kerangka konseptual, organisas tesis dan diakhiri dengan kesimpulan bab pertama.

**Bab kedua** mengandungi sorotan literatur berdasarkan pembacaan oleh pengkaji terhadap kajian-kajian lepas yang telah dijalankan sebelum ini mahupun penulisan yang lepas seperti buku, tesis, jurnal, keratan khabar dan internet yang mempunyai perkaitan dengan kajian ini.

**Bab ketiga** mengandungi metodologi kajian yang akan menjelaskan pemilihan reka bentuk kajian yang dipilih, lokasi kajian, pemilihan instrumen yang digunakan, persampelan kajian dan saiz sampel. Selain itu, prosedur kajian, cara menganalisis data yang diperoleh dan kerangka konseptual yang digunakan turut akan dibincangkan.

**Bab keempat** mengandungi hasil kajian yang akan dianalisis data yang diperoleh daripada informan dengan menggunakan instrumen kajian. Penyusunan data yang akan dianalisis mengikut satu per satu komponen boria untuk perbandingan di antara ketiga-tiga kumpulan, *nest* (proses persembahan) dan faktor persekitaran.

**Bab kelima** merupakan bab terakhir yang dapat menyumbang kepada keseluruhan tentang kajian yang telah dilakukan melalui kesimpulan. Selain itu, implikasi yang melibatkan teori, dasar, praktis dan bidang yang dikaji turut dinyatakan dalam bab ini. Malah bab ini turut memperlihatkan cadangan kepada profesion, organisasi dan pengkajian masa hadapan.

### **1.10 Kesimpulan**

Melalui bab ini, pengkaji telah menyediakan gambaran umum tentang kajian yang akan dijalankan merangkumi latar belakang kajian. Selain itu, kajian ini telah membincangkan pernyataan masalah yang dapat menimbulkan persoalan dan objektif kajian. Tambahan pula, kepentingan kajian turut dibincangkan bagi memberi manfaat kepada pelbagai pihak. Begitu juga dengan skop kajian telah dinyatakan bagi kaedah kajian yang digunakan, sampel kajian, dan fokus kajian. Kemudian diikuti oleh huraian kerangka konseptual. Bab seterusnya akan membincangkan sorotan literatur yang merupakan ulasan maklumat berdasarkan pembacaan oleh pengkaji berkaitan dengan kajian yang dilakukan.

## **BAB 2**

### **SOROTAN LITERATUR**

#### **2.1 Pengenalan**

Bab ini akan menerangkan mengenai kajian dan penulisan lepas yang berkaitan dan bersesuaian dengan tajuk kajian ini. Oleh yang demikian, sorotan literatur adalah perkara yang penting kerana dapat digunakan dalam beberapa aspek sebagai rujukan dan panduan kepada pengkaji untuk menyempurnakan kajian ini.

#### **2.2 Sketsa dan Pelakon dalam Segmen Pertama Persembahan Boria**

Safian (1988), mendapati bahawa sketsa ialah karangan pendek yang ditulis secara mudah dan menunjukkan penyatuan yang terdiri daripada watak, adegan dan peristiwa. Karangan pendek ini mempunyai kekurangan daripada segi plot dan perwatakan kerana keterbatasan masa apabila dipersembahkan. Kebiasaannya sketsa mengambil masa 10 hingga 15 minit untuk menyampaikan mesej oleh pelakon kepada penonton.

Pada peringkat awal dalam sketsa boria banyak mengkritik individu tertentu dan polisi kerajaan secara komedi dan jenaka (Ghouse Nasaruddin, 2000). Lantaran daripada itu, berlakunya unsur mengeji antara kumpulan-kumpulan boria sehingga berlakunya pergaduhan. Persembahan sketsa dalam boria terdiri daripada empat hingga enam orang pelakon yang membawa pelbagai watak (Rahmah, 1987). Oleh hal yang demikian, setiap pelakon memerlukan kostum yang berbeza untuk dipakai mengikut watak dalam lakonan sketsa.

### 2.2.1 Komedi Sketsa dan Improvisasi

Lawak jenaka atau komedi memang sudah wujud dalam persembahan teater Melayu tradisional seperti bangsawan, wayang kulit, mak yong, boria, dan sebagainya (Kadir Yusoff, 1988). Selain itu, unsur jenaka yang diselitkan itu berjalan selari dalam sebuah persembahan melalui ceritanya yang dapat memberikan hiburan secara langsung kepada penonton. Berdasarkan pernyataan oleh Rahim Syam dan Norhale (1985), lakonan sketsa yang berbentuk lawak jenaka menjadi pelengkap dalam persembahan boria. Manakala Rahmah (1987), bersetuju bahawa kelestarian boria terletak kepada unsur komedinya yang melucukan kerana unsur ini membuatkan sketsa boria dapat mengkritik isu sosial masyarakat Melayu, kerajaan dan nilai politik serta agama pada pelbagai peringkat.

Berdasarkan penulisan jurnal oleh Nurshazeera dan Che Abdullah (2017), aspek sosio-politik dan sosio-budaya merupakan antara unsur satira<sup>18</sup> yang wujud dalam mana-mana watak bertujuan untuk memperkatakan realiti kini yang berlaku dalam masyarakat ataupun negara melalui sindiran yang bersahaja. Di samping itu, sketsa boria yang dipersembahkan tidak bergantung kepada skrip sebagai asas cerita sebaliknya dilakonkan secara improvisasi<sup>19</sup> (Rahmah, 1994). Hal ini juga dipersetujui dengan pendapat yang sama oleh Ghouse Nasaruddin (2000), lakonan sketsa boria digalakkan melakukan improvisasi yang santai dan bersahaja tanpa perlu menyediakan skrip. Lantaran itu juga, konsep santai dan bersahaja juga turut diamalkan pada kostum lelaki dan wanita berdasarkan tema cerita dalam lakonan sketsa.

---

<sup>18</sup> Watak yang menghiburkan serta bertujuan untuk memperbaiki situasi dengan menggunakan senjatanya melalui kecaman, cemuhan dan penghakiman moral (DBP).

<sup>19</sup> Perbuatan yang melaksanakan atau membuat sesuatu secara spontan tanpa persediaan awal (DBP).

### **2.2.2 Watak dan Perwatakan Komponen Sketsa Boria**

Ghulam Sarwar Yousof (2014), mendapati sekularisasi<sup>20</sup> dapat memberikan hak untuk bebas daripada peraturan dan ajaran agama menyebabkan watak-watak dalam lakonan sketsa menjadi tidak terikat dengan kepelbagaian kaum dalam lakonan. Watak dan perwatakan dalam sketsa boria pada dahulunya wujud dua pihak iaitu watak orang kampung dan pegawai kerajaan sama ada berada dalam pihak bertengkar dan pihak meleraikan pertengkaran (Rahmah, 1987).

Manakala Norhelmi Othman et al. (2013), mengatakan bahawa watak yang diwujudkan kini tidak lagi khusus untuk watak orang kampung. Ia boleh menjadi watak sesiapa sahaja asalkan bersesuaian dengan tema dan jalan cerita tetapi menjadi pihak bertengkar<sup>21</sup>. Manakala, pihak peleraian boleh menjadi watak bebas asalkan watak itu dihormati dan diterima pendapatnya kepada watak-watak lain. Antara watak yang dilakonan oleh mana-mana pelakon sketsa terlihat wujudnya watak satira kerana menurut Ramnah et. al. (2013) sketsa boria yang dilakonan oleh para pelakon adalah berunsur komedi dan juga turut diselitkan dengan unsur pengajaran. Melalui watak satira juga mempunyai tujuan untuk menyampaikan pemahaman kepada penonton melalui kritikan dan pengajaran dengan cara hiburan dan santai (Nurul Nadiyah, 2016). Bertitik tolak daripada itu, setiap pelakon memerlukan kostum yang berlainan bagi membezakan setiap watak dalam persembahan sketsa boria.

### **2.2.3 Penceritaan dan Tema Sketsa Boria**

Penceritaan dan tema lakonan sketsa pada awal kemunculan boria dikaitkan dengan sejarahnya yang berkisarkan peristiwa di Karbala (Abdullah Darus, 2005). Selepas

---

<sup>20</sup> Sebagai pembebasan manusia daripada kongkongan agama.

<sup>21</sup> Pihak bertengkar adalah watak yang mencetuskan konflik dalam sketsa boria.